

DS 3.2: Penyediaan Kemudahan Kesihatan Desa

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Memastikan tahap kesihatan masyarakat desa akan terjaga dan berada dalam keadaan yang baik.
- Menyediakan kemudahan kesihatan yang lengkap bagi memastikan kesihatan dan keperluan masyarakat desa.
- Memberikan pendedahan kesihatan secara menyeluruh kepada masyarakat desa untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.
- Menambah bilangan kemudahan kesihatan di Johor Utara berdasarkan unjuran yang telah dilakukan.

Komponen Cadangan:

- Menaik taraf kemudahan kesihatan untuk memberikan keselesaan penduduk desa.
- Menambahkan bilangan penyediaan kemudahan kesihatan yang dapat membantu masyarakat desa mencapai satu taraf kesihatan yang baik agar dapat meneruskan perjalanan kehidupan ekonomi dan sosial yang lebih produktif.

Kaedah Pelaksanaan:

- Program bimbingan kesihatan bersepadu kepada masyarakat desa untuk mempraktikkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.
- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta.



Foto: Klinik Desa Simpang 5 Darat, Tangkak

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

CADANGAN LOKASI

Cadangan program kesihatan lima (5) unit klinik kesihatan setiap daerah

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • BPENJ 	<ul style="list-style-type: none"> • PBT • Kementerian Kesihatan Malaysia

ANGGARAN KOS

- Kos Program Kesihatan = RM 50 ribu (per cadangan Program Kesihatan)

Jumlah Kos: RM 750,000

FASA PELAKSANAAN




Foto: Klinik Desa Parit Keroma, Muar

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Program Komuniti Sihat

Program kesihatan di desa sangat berperanan dalam meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kesihatan dan kebersihan kawasan kediaman serta kampung.

Program ini juga boleh dijalankan dengan beberapa aktiviti lain seperti gotong-royong dan lain-lain lagi dengan kerjasama inisiatif daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, JPKK dan masyarakat desa.

- Inisiatif 'Komuniti Sihat, Perkasa Negara (KOSPEN)' Kerjasama antara KKM dan KEMAS
- Pemeriksaan Kesihatan Masyarakat Desa
- Program Perangi Aedes
- Program Pemakanan Kurang Zat (PPKZ) Dalam Kalangan Anak Orang Asli Bagi Mengatasi Masalah Kekurangan Nutrisi Makanan
- Program Kesedaran Covid-19 Dan Kempen Pembudayaan Norma Baharu



Sumber: Harian Metro, 2019

Program ini melibatkan masyarakat desa secara sukarela untuk menjalani pemeriksaan fizikal, ujian darah, pemeriksaan mata dan tekak, pemeriksaan kandungan kolesterol dan gula dalam badan yang dikendalikan doktor pakar dan kakitangan perubatan.



Foto: Pemeriksaan Kesihatan Masyarakat Desa

Unjuran Kemudahan Kesihatan

Aspek penawaran kemudahan kesihatan adalah berdasarkan bilangan penduduk dan keperluan masa hadapan adalah berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan oleh PLANMalaysia iaitu dengan penggunaan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat. Perincian piawaian kemudahan pendidikan adalah seperti berikut:

Hospital – 1 : Setiap Daerah

Klinik Kesihatan – 1 : 15,000 – 20,000 penduduk

Klinik Desa – 1 : 5,000 – 10,000 penduduk

Bagi kemudahan kesihatan, kemudahan hospital daerah tidak memerlukan sebarang unjuran tambahan untuk tempoh sehingga tahun 2030. Walau bagaimanapun, kemudahan klinik desa masih memerlukan penambahan bagi beberapa mukim. Penambahan ini adalah bagi memastikan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh terutama di kawasan desa.

Jadual 5.28: Unjuran Keperluan Kemudahan Kesihatan (Klinik Desa) di Daerah Muar

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Muar	Bandar	113,869	149,593	2	2	-
	Bakri	40,783	54,848	4	5	1
	Sungai Terap	15,036	20,222	3	2	-
	Sungai Raya	8,695	11,694	1	1	-
	Parit Bakar	13,226	17,787	2	2	-
	Parit Jawa	12,783	16,212	5	2	-
	Seri Menanti	13,520	17,146	4	2	-
	Sungai Balang	13,398	16,992	5	2	-
	Ayer Hitam	8,877	11,258	2	2	-
	Jorak	23,479	113,122	5	11	6
	Lenga	7,558	9,231	4	1	-
Bukit Kepong	10,278	12,582	4	1	-	

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Muar 2030 (Penggantian)

Jadual 5.29: Unjuran Keperluan Kemudahan Kesihatan (Klinik Desa) di Daerah Segamat

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Segamat	Bekok	3,491	3,548	-	-	-
	Buluh Kasap	27,725	29,029	3	3	-
	Chaah	13,067	14,837	1	1	-
	Gemas	13,555	14,192	2	1	-
	Gemereh	6,729	6,967	1	-	-
	Jabi	5,851	5,870	1	-	-
	Jementah	18,723	20,600	1	1	-
	Labis	32,922	36,770	4	2	-
	Pogoh	24,964	26,470	3	1	-
	Sermin	1,638	1,677	1	-	-
	Sungai Segamat	48,368	55,069	4	3	-


Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 (Penggantian)

Jadual 5.30: Unjuran Keperluan Kemudahan Kesihatan (Klinik Desa) di Daerah Tangkak

Daerah	Mukim	Bilangan Penduduk 2020	Bilangan Penduduk 2030	Penyediaan Semasa	Keperluan 2030	Keperluan Tambahan 2030
Tangkak	Tangkak	66,839	101,055	5	7	2
	Grisek	26,423	29,286	7	4	-
	Serom	27,365	35,539	10	8	-
	Bukit Serampang	7,142	6,662	4	2	-
	Kesang	15,613	17,203	1	3	2
	Kundang	3,298	3,146	2	1	-

Sumber: Olahan daripada Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2030

Rajah 5.16: Taburan Kemudahan Kesihatan Johor Utara



PETUNJUK:

- + Klinik Kesihatan
- + Klinik Desa
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021